

12/02/2000

Penggunaan skrin berlebihan dalam Harimau Malaya

Jamudin Idris

SEMAKIN banyak teater yang menggunakan skrin atau layar perak. Ia biasanya untuk merakam peristiwa sejarah seperti perang atau hal nostalgia lain yang tidak mudah untuk dibawa ke pentas teater.

Penggunaan skrin ini bagi memberi lebih kuat impak kepada pementasan berkenaan.

Penggunaan skrin dalam teater dikatakan dirintiskan oleh Datuk Syed Alwi seperti teater Tok Perak dan Alang Retak Seribu. Ia juga banyak digunakan dalam drama Datuk Noordin Hassan seperti Malam Ini Penyu Menangis dan Selendang Umi.

Pementasan teater sejarah Harimau Malaya juga memilih teknik seumpama itu, tetapi agak berlebihan.

Jika teater lain penggunaan skrin atau layar perak itu sekadar imbasan tetapi Harimau Malaya - Pejuang Gerila Force 136 ditangan pengarahnya, Mohd Diani Kasian seakan-akan menganjak penonton memberi perhatian yang sama banyak di pentas dan di skrin.

Hal di skrin menjadi sebahagian daripada lakonan.

Dari satu segi, penggunaan skrin sesuatu yang tidak dapat dielakkan seperti ketika Jepun menyerang Malaya atau untuk merakamkan teater itu yang dipentaskan di kawasan lapang sempena festival konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tahun lalu tetapi apa relevannya kehadiran Harimau Malaya juga di skrin.

Tidak ada salahnya membawa Harimau Malaya ke pentas kerana penampilannya hanya dua atau tiga kali saja dan gunakan skrin untuk menceritakan sesuatu yang tidak dapat di bawa ke pentas.

Itu dirasakan lebih berkesan kerana penonton tidak perlu membahagikan sama banyak perhatian di pentas dan di skrin.

Teater itu yang membuka tirai pementasan teater tahun ini dipersembahkan oleh Unit Kebudayaan UKM dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (sempena sambutan 30 tahun UKM dan Hari wilayah 2000) dan turut disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Teater itu dipentaskan di Auditorium DBKL selama tiga malam bermula 4 Februari.

Apapun teater ini banyak manfaatnya terutama untuk menceritakan peristiwa sebenar. Sebagai contoh ada yang beranggapan Harimau Malaya itu Kolonel Fujiyama kerana sifatnya yang bengis, memang selayaknya dianggap harimau.

Tidak ramai yang menduga gelaran itu untuk Mejar Tengku Mahmood Mahyideen.

Seperti kata pengerusi dan penulis skripnya, Prof Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh, pementasan itu adalah satu percubaan mengolah semula bahan dan fakta sejarah dalam bentuk kreatif genre seni persembahan, di samping mencuba menggalakkan penonton memahami aspek sejarahnya dengan merujuk kepada bahan sejarah yang sudah dikaji dan diterbitkan.

Persembahannya dalam bentuk kreatif diharap dapat memberi kepuasan seni kepada mereka yang menontonnya.

Bagi generasi muda, bahan-bahan atau fakta sejarah menjadi suatu subjek yang membosankan kecuali jika dipersembahkan dalam bentuk kreatif yang menarik.

Dengan menggunakan props secara sederhana, teater itu hadir dengan barisan pelakon terdiri daripada pelajar dan tenaga pengajar UKM kecuali tiga pelakon utama iaitu Datuk Jins Shamsuddin (Kolonel Fujiyama), Penghulu

Keroh (Jalil Hamid) dan Bunga (Raja Azura).

Untuk mengatakan sokongan kepada teater ini dan UKM sendiri, Jins sanggup membotakkan kepala bagi melakonkan watak Kolonel Fujiyama.

Ini mengingatkan kita akan kesediaan pelakon itu membotakkan kepala dalam filem Esok Untuk Siapa. Pengorbanan ini adalah sesuatu yang besar.

Walaupun dalam teater itu Fujiyama ditukarkan dari Kota Bharu ke Gerik, Perak tetapi kerana set tidak berubah dan tidak dinyatakan, audien tertanya-tanya hubungan peristiwa pendaratan tiga 'peniaga beras' dengan pertemuan Fujiyama dengan Penghulu Keroh.

Harimau Malaya adalah sebuah teater yang besar untuk pelajar UKM.

Disebabkan itu kita merasakan ada perasaan getar di kalangan pelakornya, misalnya Sarjan Ariffin nampak gugup dan 'kurang pintar' berbanding dengan gadis Orang Asli, Bunga.

Apapun kita berasa bangga dengan usaha UKM mementaskan teater sejarah yang merintasi sempadan tiga negeri iaitu Perak, Terengganu dan Pahang.

Kita mengharapkan UKM tidak menghentikan setakat ini, malahan lebih banyak lagi teater berdasarkan cerita sebenar yang boleh diungkapkan.

Memandangkan ada usaha untuk membawa teater ini menjelajah ke beberapa negeri, kita mengharapkan lebih banyak kerajaan negeri menghulur tangan bagi membawa teater bermutu ini ke tempat mereka.

Teater ini tidak kurang hebatnya berbanding teater Imam.

Sebagai sebuah kerja yang baik, bertepatan sekali jika tokoh yang terbabit seperti Peter Dobree (bekas Lot kol Force 136) yang tinggal di London turut mengirinkan tahniah atas pementasan itu.

Kita mengharapkan lebih banyak Institut Pengajian Tinggi terbabit dalam program seumpama ini.

(END)